



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel suarakomuniti@bh.com.my.

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

► Batu Pahat

Hakisan di pantai Kampung Sungai Punggur, Rengit, dekat sini, semakin kritikal berikutan air laut sering melimpah sehingga ke kawasan kemudahan awam yang dibangunkan di situ.

Limpahan air laut yang menecah sehingga 0.3 meter itu menyebabkan deretan enam gerai dan tandas yang dibina sering ditenggelami air sehingga paras betis terutama ketika air laut pasang besar.

Tinjauan BH ke pantai itu mendapati kesan selut dan lumpur jelas kelihatan pada lantai dan dinding gerai yang dibina Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), manakala pasir setebal lebih



Beberapa pengunjung berehat atas benteng penghadang hakisan yang semakin tidak kukuh di pantai Kampung Sungai Punggur, Rengit.

[FOTO MUSTAPHA ISMAIL / BH]

Hakisan makin kritikal

» Benteng tak mampu tampung ombak besar, air laut melimpah ke daratan

sejengkal pula memenuhi ruangan hadapan gerai.

Letak barangan di tempat tinggi

Peniaga, Suhaimi Omar, 50, berkata masalah air laut yang sering menenggelami gerai peniaga di situ menyebabkan peralatan peniaga perlu diletakkan di tempat lebih tinggi bagi mengelak ditenggelami air laut dan rosak.

"Sudah lebih 17 tahun kami berniaga di sini. Dahulu, kami terpaksa berhadapan masalah

hakisan sehingga menyebabkan enam wakaf musnah akibat hakisan ombak, selain pantai yang semakin hilang ditelan laut.

"Sejak lima tahun lalu pula, kami terpaksa pula berhadapan masalah gerai dan tandas rosak akibat ditenggelami air laut setiap kali air laut pasang besar.

"Sebelum ini, benteng penahan ombak yang dipasang pihak berkuasa mampu menahan ombak dan air laut daripada masuk ke daratan, namun kini benteng berkenaan turut

rosak dan terbenam ke dalam pasir menyebabkan air laut melimpah ke daratan," katanya kepada BH.

Bina penghadang ombak baharu

Sementara itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Batu Pahat, Sukemi Sidek, berkata pihaknya akan membina penghadang ombak baharu bagi mengatasi masalah hakisan kritikal dan limpahan air laut di kawasan berkenaan.

"Kerajaan sudah bersetuju menyalurkan peruntukan khas

bagi membina benteng penahan ombak baharu di hadapan benteng sedia ada bagi mengukuhkan lagi benteng pemecah ombak di kawasan berkenaan.

"JPS menjangkakan kerja pembinaan benteng baharu itu akan dimulakan menjelang pertengahan tahun ini. Jadi, ada dua lapisan penghadang ombak akan diwujudkan di kawasan pantai Kampung Sungai Punggur bagi mengurangkan kesan hakisan di situ," katanya.